



Dr. Mahathir keluar IJN

Um - 25/5/2007

KUALALUMPUR 24 Mei - Bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini dibenarkan pulang selepas 10 hari menerima rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) kerana masalah sesak nafas.

Dengan berbaju batik merah, Dr. Mahathir dilihat keluar pada 2.50 petang bersama isterinya Tun Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali dan anak kedua mereka, Datuk Mokhzani sambil diringi doktor peribadinya, Dr. Nasir Muda dan beberapa jururawat.

Sewaktu beliau keluar daripada lif IJN menuju ke pintu utama, puluhan orang ramai sudah menunggu bersama kakitangan IJN dan Pegawai Eksekutif IJN Mohamed Iadzif Mohamed Yunus, untuk berjabat tangan dan mengucapkan selamat.

IJN dalam satu kenyataan berkata, Dr. Mahathir dibenarkan keluar selepas doktor yang merawatnya berpuas hati dengan tahap kesihatan dan penerimaannya terhadap prosedur ubatan, rawatan dan pemulihan sejak beliau dimasukkan ke IJN 15 Mei lepas.

"Tun Dr. Mahathir akan terus menjalani fisioterapi dada dan melakukan senaman ringan sebagai sebahagian daripada program pemulihan jantung," menurut kenyataan itu.

Dr. Mahathir mengadu sesak nafas ketika berada di Langkawi bersama Dr. Siti Hasmah pada 14 Mei lepas dan dimasukkan ke Hospital Langkawi sebelum dipindahkan ke Unit Rawatan Kardiak IJN di sini keesokannya.